



TEKS UCAPAN

**YBHG. TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
PERHIMPUNAN BULANAN MPS**

25 MAC 2025 | RABU

LOBI, MENARA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

~~**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Haji Wan
Mahmood bin Pa'wan Teh**~~

~~Datuk Orang Kaya Maha Bijaya Daerah Gombak~~

Yang Berusaha Ketua-Ketua Whip, Ahli-Ahli Majlis, pengarah-pengarah jabatan, ketua-ketua bahagian, ketua-ketua unit, Pegawai-pegawai, kakitangan warga kerja MPS yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T atas limpah dan inayahNya, kita diberikan kesempatan berkumpul sempena perhimpunan bulanan MPS yang dihostkan oleh Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan.

~~YDH TAN SRI~~, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

1. Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan adalah jabatan yang bertanggungjawab menguruskan perolehan-perolehan di Majlis Perbandaran Selayang secara sebutharga dan tender terbuka supaya mematuhi tatacara kewangan, akta, arahan perbendaharaan, pekeliling dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa.
2. Saya difahamkan bahawa dengan kekuatan seramai 12 orang kakitangan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan saban tahun menguruskan lantikan-lantikan syarikat yang melibatkan jumlah kontrak melebihi RM100 juta setahun.
3. Sebagai contoh, pada tahun 2024, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan telah menguruskan lantikan 360 lantikan tender dan sebutharga yang merangkumi perolehan perkhidmatan/bekalan, perolehan kerja dan perolehan

perunding. Jumlah keseluruhan harga kontrak adalah sebanyak RM 110 juta yang melibatkan sumber-sumber peruntukan daripada:-

3.1 Majlis Perbandaran Selayang

3.2 Wang Amanah Caj Pemajuan

3.3 MARRIS

3.4 Wang Amanah Kerajaan Negeri

3.5 Wang Amanah ISF

3.6 Tabung Penyelenggaraan , KPKT

3.7 Wang Amanah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

4. Untuk makluman, di dalam melaksanakan proses perolehan ini, terdapat beberapa peringkat di mana memerlukan lantikan kakitangan-kakitangan jabatan lain sebagai Ahli Jawatankuasa antaranya, Jawatankuasa Pembuka Peti, Jawatankuasa Penilaian Kewangan, Jawatankuasa Penilaian Teknikal, dan Jawatankuasa Penilaian Perunding.

5. Besarlah harapan saya supaya kakitangan yang dilantik dan dijemput untuk menyempurnakan proses perolehan ini, sentiasa komited dan segera menyelesaikan tugas kerana kelewatan dalam menyempurnakan tugas ini akan memberi implikasi kepada proses lantikan syarikat untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan dan pembaikan, sekaligus akan memberi imej yang kurang baik kepada prestasi MPS.
6. Bagi memastikan perolehan di Majlis Perbandaran Selayang sentiasa mematuhi pekeliling, garis panduan dan tatacara perolehan yang berkuatkuasa, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan sentiasa komited untuk memantapkan pengetahuan yang berkaitan dan selari, JKUB telah mengadakan bengkel perolehan yang melibatkan kakitangan jabatan-jabatan pelaksana, ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dengan perolehan di Dewan Simfoni, Hutan Rimba Bukit Lagong pada 4-5 Jun 2024 serta lawatan penandaaras ke Majlis Bandaraya Iskandar Puteri pada 28 Februari 2025 bagi tujuan mendapatkan inovasi-inovasi terbaru untuk penambahbaikan kepada tatacara kerja sediaada.
7. Diharapkan, bengkel dan lawatan penandaaras yang di adakan ini, memberikan maklumat dan panduan kepada peserta kursus dalam memastikan semua pekeliling,

arahan dan garis panduan yang berkaitan dengan perolehan kerajaan dapat dilaksanakan dengan kaedah yang betul di Majlis Perbandaran Selayang.

8. Bagi tahun 2025 juga, JKUB telah merancang beberapa siri bengkel perolehan supaya proses perolehan di MPS sentiasa mematuhi prosedur.

~~YDH TAN SRI~~, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI

9. Seperti yang semua sedia maklum, pada 28 Februari 2025, Majlis Perbandaran Selayang telah mengadakan Majlis Lambaian Kasih Sanjungan Budi Meraikan Ybrs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Mantan Timbalan Tuan Yang Dipertua yang telah bertukar ke Kementerian Desa Dan Wilayang bermula 1 Mac 2025. Saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Selayang, mengucapkan ribuan terima kasih atas jasa dan perkhidmatan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi di MPS dan semoga terus cemerlang di tempat yang baru.

PROGRAM IHYA RAMADAN MPS

10. Sempena kedatangan bulan Ramadan, MPS telah melancarkan Program Ihya' Ramadan yang mana terdapat beberapa program telah dirancang bagi mengimarahkan bulan yang mulia ini. Pada 28 Februari 2025, MPS melalui Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK) telah mengadakan Ceramah Ambang Ramadan bersempena menyambut kedatangan bulan Ramadan. Ceramah disampaikan oleh Ustaz Haji Zulhazwan bin Ismail. Antara intipati ceramah adalah penekanan bagi memahami tujuan utama ibadah puasa di bulan Ramadan untuk mendidik jiwa serta nafsu daripada melakukan perkara kemungkaran.

11. Selain itu, Program Memasak Bubur Lambuk juga telah diadakan pada 11 Mac 2025 bertemakan "Riuh Rendah Bubur Lambuk". Program ini telah dilaksanakan secara gotong-royong bersama kakitangan MPS bagi mengimarahkan bulan Ramadan dengan aktiviti bermanfaat yang memupuk semangat muhibah dan berkongsi rezeki antara warga MPS.

12. Sebanyak 3000 bekas bubur lambuk diedarkan kepada kakitangan MPS, Agensi-agensi Kerajaan dan swasta serta orang awam yang datang berurusan di MPS.
13. Pada hari yang sama, MPS juga telah berjaya menganjurkan Majlis Iftar sempena Ihya Ramadan 1446H/2025. Program dimulakan dengan tazkirah yang telah disampaikan oleh Ustazah Asma' binti Harun bertajuk "Hidupkan Ramadan Dengan Al-Quran".
14. MPS juga telah menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim, diikuti dengan majlis iftar, solat maghrib, isya' dan terawikh berjemaah.

PUBLIC SERVICE INNOVATION ASIA (PSIA) MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO TAHUN 2025

15. MalaysiaTechnology Expo (MTE 2025) merupakan satu acara inovasi global terkemuka yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur pada 20 hingga 22 Februari 2025 yang lalu.

16. Sukacita dimaklumkan bahawa MPS telah berjaya merangkul Silver Award in Public Service Innovation Asia (PSIA) Malaysia Technology Expo 2025 yang juga merupakan pengiktirafan bertaraf antarabangsa. Syabas dan tahniah kepada Kumpulan KIK OSC MPS^Q
17. Dalam acara ini juga, sijil penghargaan telah diberikan kepada Speaker, En. Mateen Zayani bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah Jabatan Pusat Setempat, MPS bagi sesi “knowledge sharing” di Pentas Utama Malaysia Technology Expo 2025. Syabas dan tahniah diucapkan.

INSENTIF KHAS AIDILFITRI DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAMBAHAN

18. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, YAB berhormat Menteri Selangor Selangor di dalam Majlis Mahabbah Raman Madani Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor 2025 telah mengumumkan berita gembira buat penjawat awam Negeri Selangor.
19. Kerajaan Negeri Selangor akan menyalurkan Insentif Khas Aidilfitri sebanyak 1 bulan gaji (Minimum RM 1,000.00)

kepada semua anggota berkecualan pada 25 Mac 2025 dan Bantuan Khas Kewangan Tambahan sebanyak setengah bulan gaji (Minimum RM 1,000.00) yang akan diberikan bermula 15 April 2025.

20. Alhamdulillah dan terima kasih buat Kerajaan Negeri Selangor, semoga dengan pembayaran insentif ini dapat menambahkan lagi keceriaan di Aidilfitri.

~~YDH TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,~~
UCAPAN SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI 1446H / 2025

21. Sempena ketibaan bulan Syawal, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Batin kepada semua Ahli Majlis, pengarah dan kakitangan MPS serta warga Selayang yang beragama Islam.
22. Diharap dalam keterujaan kita semua untuk pulang ke kampung, aspek-aspek keselamatan di jalanraya perlu diutamakan dengan memandu secara berhemah ke kampung halaman masing-masing.

23. saya ingin berpesan, ambillah kesempatan untuk menghabiskan masa berkualiti bersama keluarga sempena cuti rehat Aildilfitri ini kerana selepas ini MPS mempunyai beberapa program mega dan komitmen warga kerja MPS adalah sangat diharapkan.

24. Akhir sekali, saya Shahman bin Jalaludin mengambil peluang ini untuk memohon kemaafan di atas salah dan silap saya samada secara sedar atau tidak sedar yang mungkin mengguriskan hati sepanjang saya melaksanakan tugas saya sebagai Yang Dipertua.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.